



جابتن حال إحوال اكمام اسلام قولواو قينخ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

ARAHAN PEKELILING TATACARA PENGURUSAN PERKAHWINAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) MULAI 9 NOVEMBER 2020 JHEAIPP.KP.100-1/9/2 (12)

Merujuk kepada arahan terkini daripada Majlis Keselamatan Negera (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) mengambil langkah-langkah dalam membendung penularan pandemik Covid-19 seperti berikut:-

1. Temuduga Khas Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI) Negeri Pulau Pinang dilaksanakan seperti biasa dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan Garis Panduan yang telah ditetapkan oleh MKN, KKM dan lain-lain agensi penguatkuasaan berhubung kawalan penularan wabak penyakit.
2. Permohonan Kebenaran Berkahwin dibuka dan diproses seperti biasa dengan syarat permohonan hendaklah lengkap.
3. Surat Kebenaran Berkahwin yang telah tamat dalam tempoh PKPB ini akan dilanjutkan sebulan bermula dari tarikh kebenaran berakhir. Pemohon hendaklah hadir semula ke Pejabat Agama Daerah untuk membuat penyambungan tempoh sah Kebenaran Berkahwin.
4. Majlis akad nikah sepanjang tempoh PKPB dibenarkan dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan.
5. Khidmat Nasihat dilaksanakan secara atas talian (melalui telefon atau e-mel) sepanjang tempoh PKPB.

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang.

23 Rabiulawal 1442H/ 9 November 2020M